# PM dapat cucu perempuan

16 APR 1987

KUALA LUMPUR 15 April — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mendapat cucu yang pertama apabila anak perempuannya, Marina selamat melahirkan seorang bayi perempuan di Jepun pagi semalam.

Berita baik itu disampaikan oleh isterinya, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah melalui telefon bergerak sebaik saja pesawat yang dinaikinya mendarat di Matu, Sarawak semalam.

Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah kini berada di Osaka, Jepun untuk menyambut kelahiran cucu sulungnya itu.

Puan Marina, yang merupakan anak sulung kepada Perdana Menteri, berada di Jepun kerana mengikuti suaminya, Encik Ahmad Ikhlas yang bertugas di sana. Mereka melangsungkan perkahwinan pada 20 Mac. 1986.